

Pahang tuan rumah tilawah, hafazan al-Quran peringkat kebangsaan

Oleh **BERNAMA** - Februari 13, 2024 @ 7:24pm



Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (dua kiri) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar (tiga kiri) mempengerusikan bersama mesyuarat Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah/2024 Masihi di Wisma Sri Pahang, Kuantan hari ini. - Foto ihsan FB Wan Rosdy Wan Ismail

KUANTAN: Pahang menjadi tuan rumah Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah/2024 Masihi yang dijadualkan selama enam hari bermula 23 Mei ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata kerajaan negeri berbesar hati untuk menganjurkan majlis itu di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Pahang (SUKMA di sini, selepas kali terakhir menjadi tuan rumah pada 2014).

"Difahamkan seramai 29 orang akan menyertai kategori tilawah iaitu 14 qari dan 14 qariah serta seorang johan menunggu.

"Seramai 84 orang pula akan menyertai kategori hafazan iaitu masing-masing 42 peserta lelaki dan wanita," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa induk majlis itu di Wisma Sri Pahang di sini hari ini.

Turut mempengerusikan mesyuarat itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Wan Rosdy juga menyifatkan pemilihan Pahang selaku penganjur sebagai penghormatan oleh kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kepada kerajaan negeri dan pihaknya akan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan kejayaan majlis.

Sementara itu, Mohd Na'im berterima kasih kepada kerajaan Pahang kerana sudi menerima jemputan menjadi tuan rumah bagi menganjurkan majlis berkenaan.

"Saya percaya dengan sokongan padu diberikan, penganjuran majlis tilawah ini akan berjaya dengan cemerlang pada tahun ini, malah lebih baik berbanding tahun lepas.

"Penganjuran ini juga dilihat mampu mengukuhkan hubungan antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan Pahang," katanya.

- BERNAMA